

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB IR. YUSOF BIN ABDUL WAHAB
KAWASAN : TANJONG MANIS
TARIKH : 05 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN NO. 17

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan untuk membantu lebih dari 500 orang bekas pekerja Lebuh Raya Borneo Utara (LBU) yang telah kehilangan pekerjaan selepas Kementerian mengambil alih Projek Pan Borneo di Sarawak pada 20hb Februari 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala (dual carriageway) yang dibahagikan kepada dua (2) fasa sepanjang 1,064 km dari Telok Melano hingga ke Lawas.

Kerajaan hari ini akan tetap menghormati keputusan Kerajaan terdahulu untuk mengubah kaedah pelaksanaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak. Berhubung kakitangan-kakitangan Syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. selaku Rakan Pelaksana Projek (Project Delivery Partner - PDP), penamatan hampir 500 orang kakitangan tersebut adalah tertakluk kepada terma kontrak masing-masing.

Sehubungan itu tiada komitmen oleh Kerajaan bagi menggajikan semula kakitangan-kakitangan tersebut memandangkan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak telah dilaksanakan secara konvensional.

Sekian, terima kasih.